

23 MAY 2001

MTUC-Anuiti

MTUC DAKWA ADA PIHAK CUBA KELIRUKAN PEKERJA PILIH SKIM ANUITI KWSP

KUALA LUMPUR, 23 Mei (Bernama) -- Pekerja-pekerja yang memilih skim anuiti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) diminta tidak terkeliru dengan pendirian Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) berhubung isu itu.

Presiden MTUC Senator Zainal Rampak berkata pekerja yang memilih skim itu harus tahu bahawa kesatuan induk sektor swasta itu tidak menentang skim itu tetapi ia membantah skim itu dikendalikan oleh syarikat-syarikat insuran.

"Kami tidak menentang skim itu tetapi kami membantah ia dikendalikan oleh syarikat-syarikat insuran," katanya.

Menurutnya jika skim itu ditadbirkan oleh syarikat insuran, kos umum akan tinggi menyebabkan pulangan rendah untuk para pekerja.

"Mereka (syarikat insuran) terpaksa membayar komisyen kepada ejen mereka serta kos lain yang akan diambil daripada apa yang sepatutnya diterima pekerja tetapi jika skim itu dikendalikan oleh KWSP, pekerja akan mendapat pulangan yang lebih," katanya.

Beliau diminta mengulas mengenai tindakan kira-kira 500 pekerja yang telah memilih skim itu, semalam, yang meminta kerajaan melaksanakan semula skim itu.

Skim itu ditangguhkan oleh kerajaan apabila MTUC membantah ia dikendalikan syarikat insuran, yang menurutnya, akan menyebabkan pekerja menerima sedikit faedah daripadanya.

MTUC, yang mempunyai kira-kira 500,000 anggota, mahu mengadakan piket di seluruh negara pada 12 Mei lepas bagi membantah skim itu dikendalikan syarikat insuran tetapi membatalkannya apabila Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad campur tangan di saat-saat akhir.

Zainal mendakwa sesetengah pekerja yang memilih skim itu dihasut oleh pihak tertentu "untuk menggesa dilaksanakan semula skim itu."

"Saya tahu siapa yang menganjurkannya (pertemuan 500 pemilih skim anuiti itu) dan mereka yang di belakangnya tetapi kami berharap mereka tidak akan mengelirukan pekerja demi kepentingan diri mereka," katanya tanpa mendedahkan pihak berkenaan.

Beliau berkata MTUC sedang berbincang dengan KWSP mengenai perkara itu dan akan mengadakan mesyuarat esok dengan perunding yang dilantik oleh KWSP bagi mengkaji skim itu.

"Pada mesyuarat esok, kami akan memberi input mengenai kajian kami tentang skim itu," katanya.

-- BERNAMA

SR ES NAK